

# Pengurangan defisit bukti kejayaan PM – Ghani

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR

**MUAR** 26 Okt. - Kejayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengurangkan defisit belanjawan daripada 5.4 peratus kepada 3.5 peratus dalam tempoh dua tahun membuktikan usaha kerajaan untuk memperbetulkan kedudukan kewangan negara.

Sehubungan itu, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman menyifatkan kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa tiada tindakan dilakukan oleh kerajaan untuk memperkukuhkan sektor ekonomi negara sebagai tidak wajar.

Malah, menurut beliau, kritikan berhubung dasar ekonomi negara itu perlu dilihat dalam konteks Perdana Menteri sekarang iaitu Abdullah mewarisi kedudukan defisit pada paras yang tinggi dan memerlukan usaha yang lebih baik untuk memastikannya dapat dikurangkan.

"Bagi saya, Perdana Menteri kita sedang berusaha memperbaiki pengurusan kewangan kerajaan supaya defisit negara tidak terus meningkat dan menjadi petanda yang tidak sihat.

"Dalam tempoh dua tahun ini, Pak Lah

UM - 27/10/2006  
**Perdana Menteri sedang berusaha memperbaiki pengurusan kewangan kerajaan supaya defisit negara tidak terus meningkat dan menjadi petanda yang tidak sihat**

**ABDUL GHANI OTHMAN**  
Menteri Besar  
Johor

mewarisi suasana defisit pada paras yang tinggi dan ia tidak harus dibiarkan meningkat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada majlis sambutan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di kediamannya di Sungai Mati di sini, hari ini.

Abdul Ghani mengulas tindakan Dr. Mahathir memperbaharui kritiknya terhadap Abdullah kira-kira 17 jam selepas mereka mengadakan pertemuan selama dua jam antara pukul 3 dan 5 petang Ahad lalu di kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

Ahli-ahli UMNO sebelum ini melahirkan harapan agar pertemuan tersebut menjernihkan hubungan Dr. Mahathir dan Abdullah yang tidak harmoni sejak Dr. Mahathir secara terbuka membidas pentadbiran Abdullah enam bulan lalu.

Namun, dalam sidang akhbarinya di Seri

Kembangan dekat Kuala Lumpur Isnin lalu, Dr. Mahathir mengambil sikap mengkritik pentadbiran Abdullah di samping membuat beberapa dakwaan baru termasuk tiada tindakan dilakukan untuk memperbaiki ekonomi negara yang semakin lemah.

Menurut Abdul Ghani, tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri iaitu menjayakan kepentingan ekonomi negara melalui usaha pengurangan defisit amat tepat kerana jika ia terus dibiarkan meningkat, keadaan itu akan menjadi satu petanda yang tidak sihat.

Jelas beliau, usaha itu telah dilaksanakan oleh kerajaan yang dipimpin oleh Abdullah sejak dua tahun lalu untuk mengurangkan kadar defisit sektor awam di negara ini yang semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Langkah itu merupakan usaha yang paling tepat walaupun tidak mudah bagi kerajaan untuk mengurangkan defisit ke-

wangan negara dalam tempoh dua tahun dan pada masa yang sama terpaksa juga mengurangkan perbelanjaan negara.

"Selepas kejayaan itu, kerajaan kini mengorak langkah dan jelas dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kita mampu memulihkan semula semua itu dengan kembali menggerakkan ekonomi negara," katanya.

Abdul Ghani berkata, Johor yakin melalui pelaksanaan projek-projek besar dan kecil mulai tahun ini, ia akan menggerakkan semula aktiviti ekonomi negara selain menerima pelaburan daripada sektor swasta daripada dalam dan luar negara.

"Walaupun kerajaan berjaya mengurangkan defisit dan pada masa yang sama perbelanjaan negara, kadar pertumbuhan ekonomi negara masih berkembang tidak kurang daripada lima peratus dan kita juga mencatatkan kadar inflasi yang rendah.

"Saya juga percaya tahap pertumbuhan ekonomi negara akan berkembang melebihi lima peratus pada masa akan datang dan negara akan mengalami kesan berganda ekonomi melalui pelaksanaan projek-projek besar serta penglibatan swasta yang akan merancakkan suasana ekonomi negara," katanya.